

Ahli, pemimpin UMNO digesa contohi kepemimpinan Dr. Mahathir

UM 3 1 OCT 2003

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menggesa semua ahli dan pemimpin UMNO mencontohi kepemimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang berjiwa besar dan berani menghadapi segala cabaran demi menjayakan parti.

Menurut Timbalan Presiden UMNO, Dr. Mahathir telah berjaya menunjukkan contoh sebagai seorang pemimpin yang berjaya memimpin UMNO dan negara.

“Dengan kewibawaannya, beliau berjaya menyatupadukan semua golongan dalam UMNO, menjadikan UMNO satu parti yang maju, berdaya maju dan boleh berjaya di masa depan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada majlis terbuka puasa bersama Presiden dan Timbalan Presiden UMNO yang turut disertai kira-kira 3,000 ahli jawatankuasa 165 Bahagian UMNO dari seluruh negara di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali serta Ahli-ahli Parlimen dan pemimpin parti komponen Barisan Nasional.

Mereka kemudian menunaikan sembahyang Maghrib, Isyak dan Tara-wih bersama-sama Perdana Menteri.

Dr. Mahathir akan melepaskan jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO esok selepas 22 tahun berkhidmat bagi kedua-dua jawatan itu.

Abdullah yang akan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelima di Istana Negara esok, juga akan memangku jawatan Presiden UMNO sehingga pemilihan parti diadakan.

Menurutnya, pemimpin di semua peringkat iaitu ketua bahagian, ketua pemuda, wanita dan puteri patut menjadikan cara kepimpinan Dr. Mahathir sebagai teladan yang perlu dicontohi.

Bersatu padu

“Semua mesti menyatupadukan semua golongan yang ada supaya tidak ada golongan yang terencil, tidak ada golongan yang merasa mereka tidak diambil peduli, tidak ada golongan yang berbalah sesama sendiri,” tegasnya.

Beliau berkata, apa yang penting ialah UMNO bersatu padu, kuat, berdaya maju bagi memperoleh kejayaan.

Abdullah turut me-

ngambil peluang itu mewakili semua anggota UMNO mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Dr. Mahathir atas sumbangan dan jasanya terhadap UMNO dan bangsa Melayu serta berjaya membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Gembira

Katanya, anggota parti berasa gembira dengan kesediaan Dr. Mahathir untuk terus membantu dan menyokong UMNO walaupun berasa sedih atas persaraannya esok.

Katanya, sumbangan Dr. Mahathir yang telah menunjukkan kepimpinan melalui teladan dapat mengukuhkan parti.

Terdahulu bercakap pada sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Menara Dato' Onn, PWTC, Abdullah yang mewakili semua ahli MT menyatakan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Mahathir yang sekian lama menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri.

“Kami menghargai tunjuk ajar dan kepimpinan yang diberikan dan atas contoh yang ditunjukkan Datuk Seri yang bekerja

mengikut kaedah Kepimpinan Melalui Teladan,” katanya.

Katanya, Dr. Mahathir telah memberikan pandangan tentang hal-hal berkaitan UMNO kesimpulannya parti mesti terus berjuang mewujudkan perpaduan negara dan pembangunan untuk kemajuan rakyat.

“Kita juga mengucapkan kepada Datuk Seri, selamat bersara dan mendoakan mudah-mudahan terus sejahtera, terus bahagia dan menikmati tahap kesihatan yang baik,” ujarnya.

Dalam pada itu, Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, parti akan menganjurkan majlis khas selepas Hari Raya Aidilfitri bagi mengucapkan terima kasih secara rasmi kepada Dr. Mahathir atas segala jasa dan sumbangannya.

“Seluruh negara berasa terharu dan kerugian (dengan persaraan Dr. Mahathir), tetapi kita tahu bahawa ini satu takdir dan kita tahu Dr. Mahathir telah mencurahkan segala usaha dan tenaga beliau untuk memajukan negara,” katanya.